



PENDIDIKAN

ARKIB : 19/12/2002

Ramai pengetua kerap `melekat' di kerusi pejabat

KEBANYAKAN pengetua sekolah kini didapati kurang menjalankan kerja-kerja `meronda' di sekitar sekolah atau menjadi `walk about principal', sebaliknya ramai daripada mereka lebih kerap `melekat' di kerusi pejabat (`arm chair principal').

Menurut pensyarah Universiti Sains Malaysia (USM), Prof. Mohamed Sulaiman, perkara ini tidak seharusnya berlaku kerana seorang pengetua yang berkesan seharusnya mengenal pasti kekuatan dan kelemahan sekolah secara menyeluruh.

``Pengetua seharusnya kerap `turun padang' melawat kelas, memerhati guru mengajar, melawat makmal dan bengkel serta bertanyakan masalah guru mengajar dan pembelajaran pelajar.

``Pengetua juga hendaklah membuat analisis tentang kekuatan dan kelemahan sekolah dari semua aspek merangkumi pelajar, guru dan dirinya sendiri (pengetua).

``Pentadbiran sekolah, kewangan, kemudahan, kurikulum (aktiviti dalam bilik darjah), kokurikulum (aktiviti luar bilik darjah), program sukan dan PIBG antara yang harus diberi perhatian," katanya.

Beliau berkata demikian dalam satu pembentangan kertas kerja bertajuk Kepimpinan dan Pengurusan Strategik untuk Kecemerlangan Sekolah- Peranan Pengetua pada Seminar Nasional Pengurusan dan Kepimpinan Pendidikan Ke-11 di Sepang, baru-baru ini.

Seminar berlangsung tiga hari bermula pada 17 Disember lalu itu merupakan anjuran Institut Aminuddin Baki (IAB) dengan kerjasama Kumpulan Utusan adalah bertemakan Pengurusan dan Kepimpinan Pendidikan Cemerlang Aspirasi Negara.

Objektif

Apa yang penting tambah Mohamed, keperluan seorang pengetua untuk menentukan objektif yang berlandaskan untuk mengekalkan kekuatan dan mengatasi kelemahan supaya matlamat sekolah boleh dicapai.

Tegasnya, jika input atau kemahiran tidak mencukupi, pengetua harus merancang untuk mendapatkannya.

``Rancangan perlu dibuat untuk menggembleng input dalam proses pengajaran-pembelajaran, kokurikulum dan sukan supaya hasilnya terserlah," ujarnya.

Beliau membentangkan satu contoh, seorang pengetua menetapkan pencapaian tahap kelulusan 100 peratus bagi semua subjek Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) sebagai sebahagian perancangan strategik sekolah.

Subjek

``Dalam tempoh jangka masa dua tahun, pengetua seharusnya menganalisis kekuatan dan kelemahan subjek.

``Berapa subjek yang sudah mencapai 80 hingga 100 peratus dan berapa subjek (termasuk Matematik, Sains dan bahasa Inggeris) yang pencapaiannya 40 peratus atau kurang?

``Berapa subjek yang kelulusan hanya 20 peratus dan apakah puncanya dan bagaimana hendak meningkatkan pencapaian subjek yang pencapaiannya rendah. Adakah faktor kritikalnya guru, peralatan atau motivasi pelajar dan sebagainya?" katanya.

Katanya, selain dari Barat, hasil kajian oleh Faridah Hassan dan beliau sendiri menerusi Asian Academy of Management Journal (1996) bertajuk Strategic Marketing Practices of High Performing Malaysian Firms menunjukkan pengurusan strategik memberi kesan positif kepada prestasi sesebuah organisasi, sekolah turut tidak terkecuali.

Justeru katanya, dua faktor penting iaitu kepimpinan yang berkesan dan pengurusan yang strategik perlu dijadikan usaha berterusan sebagai budaya pemimpin berwawasan.

``Jika pengetua dapat memberi kepimpinan yang berkesan kepada guru, pentadbiran dan pelajar serta merancang dan melaksanakan perancangan strategik, pastinya sekolah cemerlang.

``Jika semua sekolah cemerlang, sistem pendidikan negara menjadi cemerlang. Tanggungjawab berat terletak di bahu pengetua," katanya.

Artikel Penuh:

http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2002&dt=1219&pub=utusan_malaysia&sec=Pendidikan&pg=pe_04.htm#ixzz2vo06wp00

© Utusan Melayu (M) Bhd